

Volume 1
No. 7



Thursday
25th February, 1960

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA (SENATE)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

Adjournment:

Bahasa Kebangsaan—Sekolah² Menengah Kerajaan
[Col. 253]

Written Answers to Questions [Col. 265]

FEDERATION OF MALAYA
DEWAN NEGARA (SENATE)

Official Report

First Session of the First Dewan Negara

The Senate met at 10.00 o'clock a.m.

PRESENT:

- The Hon'ble Mr. President (DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED YASIN, S.P.M.J., P.I.S.).
- „ the Minister of Justice (TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.) (Appointed).
- „ TUAN HAJI ABBAS BIN HAJI MOHAMED (Trengganu).
- „ ENCHE' ABDUL HAMID BIN MAHMUD, J.M.N. (Nominated).
- „ ENCHE' AHMAD BIN SAID, A.M.N. (Perak).
- „ ENCHE' A. M. ABU BAKAR, J.M.N. (Nominated).
- „ ENCHE' ABDUL WAHAB BIN IDUS, P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ ENCHE' AMALUDDIN BIN DARUS (Kelantan).
- „ MR. CHAN KWONG HON, A.M.N., J.P. (Selangor).
- „ DATO' DR. CHEAH TOON LOK, J.M.N., J.P., Dato' Maha Kurnia (Appointed).
- „ MR. CHOO KOK LEONG (Appointed).
- „ MR. J. E. S. CRAWFORD, J.M.N., J.P. (Appointed).
- „ ENCHE' DA ABDUL JALIL BIN HAJI AWANG (Trengganu).
- „ MR. KOH KIM LENG (Malacca).
- „ DATO' LEE FOONG YEE, J.M.N., P.P.T. J.P. (Negri Sembilan).
- „ MR. LIM HEE HONG, A.M.N. (Appointed).
- „ ENCHE' MOHD. SALLEH BIN MOHAMED ARIFF (Malacca).
- „ ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL (Kedah).
- „ ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., P.J.K. (Appointed).
- „ MR. ATHI NAHAPPAN (Appointed).
- „ ENCHE' NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N. (Appointed).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. ADEEB BIN HAJI NIK MOHAMED (Kelantan).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Appointed).
- „ RAJA RASTAM SHAHROME BIN RAJA SAID TAUPHY (Selangor).
- „ DATO' SHEIKH ABU BAKAR BIN YAHYA, D.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johore).
- „ DATO' G. SHELLEY, P.M.N., J.P. (Appointed).
- „ TUAN SYED AHMAD BIN SYED MAHMUD SHAHABUDIN, J.M.N. (Kedah).

The Honourable TUAN SYED BAHALDIN BIN SYED NOH, J.P. (Perlis).

„ MR. T. H. TAN, J.M.N. (Appointed).

„ DATO' E. E. C. THURAISINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Appointed).

„ MR. S. O. K. UBAIDULLAH (Appointed).

„ ENCHE' WAN AHMAD BIN WAN DAUD, P.J.K., J.P. (Perlis).

„ DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., J.P., Orang Kaya Indera Maharajah Purba Jelai (Pahang).

„ MR. YAP KHEN VAN, A.M.N., J.P. (Pahang).

ABSENT:

The Honourable MR. CHEAH SENG KHM, J.P. (Penang).

„ ENCHE' HASHIM BIN AWANG, J.P. (Penang).

„ MR. S. P. S. NATHAN (Appointed).

„ MR. YEOH KIAN TEIK (Perak).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Works, Posts and Telecommunications, (DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N.).

„ the Minister of Education (ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB).

PRAYERS

(Mr. President *in the Chair*)

MESSAGE FROM THE HOUSE OF REPRESENTA- TIVES

Mr. President: Ahli² Yang Berhormat, satu perutusan telah di-terima daripada Dewan Ra'ayat berkenaan dengan beberapa Bakal Undang² yang tertentu yang telah di-luluskan oleh Dewan Negara ini. Setia Usaha Majlis ini akan membachakan perutusan itu.

Whereupon, the Clerk read the following message dated 23rd February, 1960:

“Mr. President,

The House of Representatives has passed the following Bills—

- (1) Bill to repeal and re-enact with amendment the law relating to the attestation of instruments required to be registered under any written

law relating to land, mining, or the registration of deeds.

- (2) Bill to provide for the remuneration of the Yang di-Pertua Dewan Negara (President of the Senate),
- (3) Bill to consolidate the law relating to the conservation of hill land and the protection of soil from erosion and the in-road of silt,
- (4) Bill to provide for the remuneration of members of each House of Parliament,
- (5) Bill to provide for the appointment, remuneration and functions of Assistant Ministers,
- (6) Bill to provide for the taking of a Census from time to time,
- (7) Bill to provide for the remuneration of the Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat (Speaker of the House of Representatives),
- (8) Bill to amend the Exchange Control Ordinance, 1953, and transmits them to the Senate for its concurrence.

Speaker”.

ADJOURNMENT TO A LATER DAY

(Motion)

The Minister of Justice (Tun Leong Yew Koh): Mr. President, I beg to move,

That the Senate, at its rising this day, do stand adjourned to Monday, the 4th day of April, 1960, at 10 a.m.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the Senate, at its rising this day, do stand adjourned to Monday, the 4th day of April, 1960, at 10 a.m.

BUSINESS OF THE SENATE

Tun Leong Yew Koh: Mr. President, Sir, I beg to give notice that the following Bills, which have been transmitted by the Lower House, will be taken through all stages at the next meeting of the Senate on 4th April, 1960:

The Speaker (Remuneration) Bill.

The President of the Senate (Remuneration) Bill.

The Land Conservation Bill.

The Parliament (Members' Remuneration) Bill.

The Assistant Ministers Bill.

The Census Bill.

The Attestation of Registrable Instruments Bill.

The Exchange Control (Amendment) Bill.

ADJOURNMENT

Tun Leong Yew Koh: Mr. President, Sir, I beg to move that the Senate do now adjourn.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

BAHASA KEBANGSAAN—SEKOLAH² MENENGAH KERAJAAN

Eache' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini saya

mengambil peluang berchakap dalam perkara bahasa kebangsaan di-Sekolah² Menengah Kerajaan, kebetulan kita baharu sahaja lepas daripada melalui, "Minggu Bahasa Kebangsaan." Dan saya rasa sudah tiba-lah masanya dengan semangat yang baharu lalu itu kita menebalkan supaya sa-berapa yang chepat kita dapat menggunakan bahasa kebangsaan dalam negeri ini menggantikan bahasa Inggeris yang digunakan sekarang ini dalam Sekolah² Menengah Kebangsaan negeri ini. Saya perchaya kita semua sedar beberapa tahun lagi kita akan menggunakan bahasa kebangsaan dengan sa-penoh²-nya dalam semua lapangan, maka pemuda² atau anak² yang sedang di-lateh pada hari ini-lah yang akan menjadi orang dewasa yang akan hidup dalam masharakat pada masa itu yang menggunakan bahasa kebangsaan dalam serba-serbi-nya. Maka pada tempat-nya-lah dari sekarang kita membuat persediaan memberi dorongan kepada mereka itu mempelajari bahasa kebangsaan dalam semua mata pelajaran mereka itu di-sekolah² yang mereka sedang berada pada masa ini supaya sesuai dengan kehendak kebangsaan sendiri, Tuan Yang di-Pertua, maka perlu-lah dari sekarang kita menukar chorak Sekolah Menengah Kerajaan ia-itu sekolah Inggeris sekarang ini dengan menggunakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa penghantar-nya. Dengan ini akan memberi faedah yang lebeh banyak daripada apa yang kita sangkakan, kerana, apa yang ada di-sekolah sekarang ini dengan sa-kadarkan Sekolah Menengah bahasa Inggeris, tidak-lah meliputi pada banyak tempat oleh kerana hal² bangunan dan sa-bagai-nya; maka dengan pertukaran ini akan menguntongkan dengan sa-baik²-nya kepada seluroh masharakat, terutama penduduk² yang jauh dari bandar².

Dalam hal ini saya berani menegaskan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ibu-bapa di-negeri ini memang sangat bersetuju dan telah lama menghendaki supaya Sekolah Menengah ini menggunakan bahasa kebangsaan, ini terbukti dengan nyata, bahkan murid² sendiri telah pun menunjukkan bukti

dan ke'azaman mereka ingin apa yang di-katakan Sekolah Menengah yang menggunakan bahasa kebangsaan. Saya maseh ingat dan saya perchaya Kerajaan Perikatan mengetahui benar perkara ini, beberapa tahun yang lalu di-Kelantan telah pernah terjadi satu demonstration atau tunjok perasaan daripada penuntut² yang telah di-tempatkan dalam Sekolah² Menengah Ingeris, tetapi di-katakan mereka itu memasokki Sekolah Menengah Kebangsaan, mereka telah menunjukkan perasaan menuntut supaya di-jadikan mata pelajaran mereka itu dengan bahasa kebangsaan. Ini satu bukti yang terang bahawa sa-nya kehendak ibu-bapa dan kehendak murid² itu sangat²-lah kapada pelajaran yang di-ajar dengan bahasa kebangsaan, bukan sa-hari atau dua hari, tetapi telah beberapa tahun yang akibat-nya mereka di-rotan di-padang merdeka Kota Bahru, kerana menuntut bahasa kebangsaan di-ajar dalam Sekolah² Menengah. Saya tidak dapat menerima alasan², apabila Kerajaan menda'awa yang ibu-bapa lebeh suka hendak memilih sekolah² yang bahasa pengantar-nya bahasa Ingeris, sa-bagaimana yang kita tahu pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum lagi mengadakan Sekolah² Menengah yang menggunakan bahasa penghantar-nya bahasa Melayu. Hanya masa yang akhir² ini kalau ada pun ia-lah darjah menengah, darjah menengah yang menggunakan bahasa Melayu yang di-tempat atau di-tumpangkan di-Sekolah Menengah Kerajaan yang berbahasa Ingeris.

Tetapi bagaimana yang kita ketahui usaha² sedang di-jalankan dengan chara yang bijaksana untuk mempengaruhi ibu-bapa supaya mengelakkan sa-sudah mereka itu memilih anak² mereka mempelajari dalam darjah menengah supaya mereka itu memilih pula belajar dalam sekolah yang menggunakan bahasa Ingeris di-beri dengan berbagai² alasan saperti yang berlaku pengaduan² daripada ibu-bapa di-Johor, di-Kedah dan sa-bagai-nya menurut berita² akhbar. Alasan Kerajaan yang mengatakan sa-lama ini ta' dapat di-jalankan oleh kerana buku² ta' sempat di-terjemahkan, ta' boleh di-terjemahkan dan kekurangan guru²,

ini satu alasan yang sangat nipis. Kerajaan Perikatan telah memegang kuasa semenjak tahun 1957, dalam tempoh itu ada-lah chukup lama untuk sa-buah Kerajaan untuk membuat ini, menyediakan segala kehendak² ini, menyediakan buku² menyiapkan semua guru²-nya. Saya tahu betul bahawa sa-nya memang buku² dalam bahasa kebangsaan untuk di-gunakan di-Sekolah Menengah, kalau di-gunakan bahasa kebangsaan memang belum ada, tetapi itu tidak-lah menjadi satu kesulitan, kerana dalam tempoh sa-lama 10 bulan dari sekarang unfok menyampaikan tahun 1961 kita maseh ada kesempatan yang chukup jika mahu untuk menyediakan buku² ini. Soal-nya bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, kelewatan ini bukan-nya kerana tidak boleh mengadakan buku² dan menyediakan guru² akan tetapi ia-lah kerana ada kelemahan dalam perkara ini kita patut-lah sedar dengan sa-benar²-nya bahawa pendidikan dan pelajaran ada-lah satu perkara yang penting, bukan sahaja untuk mencherdas dan mencherghaskan satu bangsa, untuk membangunkan satu bangsa tetapi juga untuk memberi pendidikan yang sa-baik² demi kepentingan bangsa itu sendiri. Maka dalam soal pendidikan ini sa-baik²-nya ia-lah diperchayai kapada warga-negara, sa-baik²-nya-lah dalam perkara samacham ini kita harus meletakkan keyakinan kapada orang² yang benar² dapat menjalankan perkara ini untuk kepentingan kebangsaan dalam soal pendidikan dan pelajaran ini. Dan tidak-lah tepat kalau kita serahkan urusan pendidikan ini, urusan kebangsaan ini kapada orang² yang tidak ada semangat kebangsaan, apa-tah-lagi yang bukan warga-negara bagi negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, saperti yang telah saya katakan tadi, masa-nya telah tiba ia-itu kita harus menggunakan bahasa kebangsaan di-Sekolah Menengah Kerajaan. Maka apa yang patut kita buat ia-lah menukar buku² yang di-gunakan di-Sekolah² Kebangsaan dan Sekolah² Menengah Ingeris dan sa-bagai-nya semua-nya sa-kali daripada rendah ka-atas ia-itu buku² yang di-buat dalam masa penjajahan, buku² yang telah di-gunakan berpuluh² tahun dahulu pun maseh lagi di-pakai dan di-chetak di-England. Maka buku² ini

semua-nya mesti di-tukar, sa-hingga sesuai dengan keadaan bangsa yang merdeka yang dapat memupok jiwa membangunkan semangat sa-bagai satu bangsa yang merdeka dan berdaulat dalam negeri-nya sendiri. Maka anak² kita tak dapat-lah kita biarkan dengan membacah buku² yang di-buat dalam zaman Colonial, dalam zaman Penjajahan. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk menukarkan buku² itu, saya menhadangkan supaya langsung di-buat dalam bahasa Kebangsaan dan ini boleh di-buat dalam tempoh yang sa-singkat-nya, kerana kita mempunyai bahan² yang chukup dan persediaan yang chukup jika kita mahu mengadakan dalam negara kita sendiri. Hanya sekarang soal yang terakhir sekali ialah soal guru² yang mana pihak Kerajaan telah menyatakan kekurangan guru² yang layak untuk mengajar dalam menggunakan bahasa Kebangsaan di-Sekolah² Menengah.

Saya sedar bahawa jumlah guru² pada hari ini oleh kerana keadaan telah berlalu yang mana orang² yang bukan Melayu ada-lah lebih ramai daripada orang² Melayu sendiri yang mengajar dalam Sekolah² Menengah Kerajaan sekarang ini. Maka kalau sekali pandang memang benar-lah bahawa sangat sulit-lah Kerajaan untuk menukarkan satu policy supaya dapat di-ajar dalam bahasa Kebangsaan di-Sekolah² Menengah ini. Akan tetapi, saya mahu memberi satu pandangan bahawa "Di-mana ada kemahuan di-situ ada jalan", dan sekira-nya Kerajaan tidak teragak² menggunakan bahasa Kebangsaan ini, kita ada mempunyai satu jalan ia-itu satu ubat yang mujrab yang mana dapat kita gunakan dalam tempoh yang sa-singkat²-nya ia-itu dalam tahun 1961 bahasa ini dapat di-gunakan sa-bagai bahasa penghantar.

Saya percaya seperti orang² yang semua percaya ia-itu tiap² sa-orang guru yang bukan Melayu yang mengajar dalam Sekolah Menengah Kerajaan pada hari ini ia-lah orang² yang hidup di-Malaya ia-itu orang² yang telah lahir dalam negeri ini dan orang² yang tahu bahasa Melayu, chuma tidak begitu betul atau tidak begitu cekap dan pandai dalam bahasa Melayu. Saya

ambil satu chontoh, Tuan Yang di-Pertua, agaimana di-Indonesia dalam menjalankan bahasa Kebangsaan sa-hingga ka-peringkat University, Professor² yang datang dari German, England, Arab dan sa-bagai-nya telah datang di-Indonesia dengan berkonterek. Kapada mereka itu di-beri tahu bahawa "Tuan hendak-lah melazimkan dan membiasakan sa-hingga tuan layak mengajar dalam bahasa Indonesia dalam tempoh sakan dan sakan, maka baharu konterek tuan akan di-sambong". Maka dengan ini terbukti-lah sa-bagaimana baharu² ini lebih kurang dua bulan tak sampai rasa-nya Professor Jaspas sa-orang Inggeris yang mengajar di-sabuah University Indonesia telah datang ka-Malaya dan mengikut forum Radio telah menyatakan dengan tegas-nya bahawa beliau dalam masa 10 bulan sahaja telah dapat menguasai bahasa Indonesia dan mendapat memberi kuliah² dalam bahasa Indonesia di-University Indonesia. Jadi, sa-bagai sa-orang Inggeris Professor Jaspas yang selama ini sa-belum itu belum tahu dalam bahasa Indonesia atau bahasa Melayu telah dapat menguasai dalam tempoh lebih kurang 10 bulan, maka tentu-lah ganjil, Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya di-Malaya tanah ayer kita Tanah Melayu ini orang² China, orang² India warga negara negeri ini yang menjadi guru di-Sekolah² Menengah yang tahu bahasa Melayu tidak dapat menguasai bahasa Melayu dalam tempoh 10 bulan sa-hingga tahun 1961 yang akan datang, sungguh ganjil dan saya fikir tidak-lah berkesan jika sa-satu tindakan tidak di-jalankan.

Saya mengeshorkan Kerajaan patut-lah menjalankan satu policy yang menggunakan chara² seperti yang di-jalankan di-Indonesia sa-hingga guru² itu mahu melatuhkan diri mereka dengan sa-berapa chepat sa-hingga mereka itu dapat menguasai bahasa Kebangsaan dan mengajar-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sa-barang guru² mengikut fikiran saya sa-hingga dalam tahun 1961 jika tak dapat mengajar dalam bahasa Kebangsaan, maka gaji guru² itu harus-lah di-tahan, dan guru² yang boleh mengajar bahasa

Kebangsaan guru² itu harus di-teruskan kenaikan gaji-nya dan mana² guru yang tak dapat mengajar dalam bahasa Kebangsaan itu biar-lah mereka mengajar bahasa Inggeris yang menjadi satu mata pelajaran di-dalam sekolah² menengah itu. Maka dengan sendiri-nya menunjukkan betapa berdaulat-nya bahasa Kebangsaan itu dan itu-lah merupakan satu galakkan untuk membuktikan, mencheptakan perkembangan bahasa Kebangsaan dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat negeri ini berhajatkan perubahan dalam bahasa Kebangsaan supaya dapat digunakan dalam Sekolah² Rendah, Sekolah² Menengah dan sampai ka-University dan Ani telah berlaku di-Indonesia. Maka kita tak dapat menerima sebarang alasan yang mengatakan tidak dapat melaksanakan-nya, tidak dapat menerima sebarang alasan mengatakan itu payah. Bahasa Melayu ada-lah satu bahasa yang terkenal satu daripada bahasa² dalam dunia ini yang paling mudah untuk di-pelajari, maka tidak-lah begitu payah kalau kita mahu menjalankan dengan sa-benar²-nya. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya meminta dengan sa-benar-nya supaya Kerajaan Perikatan melaksanakan dan tidak chuba mendiamkan seperti yang telah berlaku bertahun² dengan berbagai² alasan sa-hingga apa yang telah di-buat dua atau tiga tahun yang lalu telah tamat² dan belum tahu entah berapa tahun lagi akan berjaya kalau di-buat dengan chara yang sedang berjalan pada masa sekarang dalam negeri ini. Sekian sahaja.

The Minister of Education (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib): Tuan Yang di-Pertua, Ahli² Dewan ini yang telah mendengar Uchapan Penanggo-han daripada Yang Berhormat Enche' Amaluddin, barangkali mendapat gambaran sa-olah² perubahan yang hendak di-lakukan itu boleh di-jalankan dengan serta merta. Dalam ucapan-nya ia membayangkan bahawa Kerajaan ini semenjak berkuasa dalam tahun 1957 berdiam diri dan berpelok tuboh dengan tidak membuat sebarang apa bagi mencapai maksud yang di-tujukan-nya itu. Jadi, saya suka-lah menerangkan ia-itu memang-lah menjadi dasar Kerajaan untuk menyatukan

kanak² daripada semua bangsa dalam negeri ini dengan memakai satu per-atoran Pelajaran Kebangsaan dengan menggunakan bahasa Kebangsaan sebagai bahasa penghantar yang besar. Hal ini ada termaktub, tersurat dan terchatet dalam Penyata Jawatan-Kuasa Pelajaran tahun 1956 ini. Jika Ahli Yang Berhormat itu tidak mempunyai Penyata ini, saya akan mengirimkan sa-buah kepada-nya.

Kerajaan juga sedar bahawa pelaksanaan dasar yang saya sebutkan itu tak boleh-lah di-jalankan dengan serta merta, tetapi harus-lah di-jalankan dengan beransor² supaya perubahan ini berjalan dengan lichin dan lancar-nya.

Tadi kita telah mendengar bahawa sa-olah² perkara menyediakan buku² dan guru² ini boleh di-buat dengan chepat, tetapi barangkali patut-lah Ahli Yang Berhormat itu tahu bahawa sa-saorang yang hendak menjadi guru di-Sekolah Menengah yang di-sebutkan-nya tadi dia mesti sa-kurang²-nya lulus Sekolah Menengah, kalau tidak pun Sekolah Tinggi, dan sa-saorang yang hendak lulus Sekolah Tinggi mesti-lah menempoh tingkat pelajaran Sekolah Rendah selama 6 tahun. Sekolah Menengah 5 menjadi 11 tahun, lepasan Menengah 2 tahun lagi, jadi 13 tahun, kemudian di-University 3-4 tahun, jadi 16-17 tahun. Kalau pun kita ambil hanya-lah murid² yang lulus daripada Sekolah Menengah sahaja dan sa-telah itu di-masokkan ka-dalam Maktab² Latehan Guru itu, maka terpaksa-lah mereka berlatih di-situ sa-chepat²-nya 2 tahun, kadang² me-makan masa 3 tahun. Jadi, kalau kita mulai melatoh guru² dalam tahun 1957, maka dalam tahun 1959 baharu dapat keluaran yang pertama. Ini-lah perkara yang patut di-fahamkan.

Lagi satu perkara yang telah saya dengar daripada tuduhan-nya tadi ia-lah Kerajaan telah tidak membuat persediaan langsung pada melaksanakan hal² ini. Saya suka-lah hendak menje-laskan bahawa jika pada masa dahulu kanak² daripada Sekolah Melayu ini yang dapat melanjutkan pelajaran-nya hanya-lah melalui saluran umpama-nya, Special Malay Class, tetapi sekarang ada banyak saluran² yang

membolehkan kanak² Melayu ini bagi meningkatkan ka-darjah² yang tinggi lagi. Satu daripada saluran yang kita buat sekarang ia-lah mengadakan darjah² peralehan di-dalam Sekolah² Inggeris, Sekolah² Menengah yang memakai bahasa Inggeris sa-bagai bahasa penghantar dan juga Sekolah² seperti Sekolah Tunku Abdul Rahman di-Ipoh, Sekolah Dato' Abdul Razak, Tanjong Malim, dan Sekolah Tun Fatimah, Melaka.

Sa-lain daripada itu kita juga telah membuka beberapa darjah² menengah di-Sekolah² Inggeris dan darjah² ini memakai bahasa Melayu sa-bagai bahasa penghantar-nya. Tingkatan yang pertama, Form I, II dan III yang ada sekarang ini di-sekolah² itu dan banyak bilangan darjah² yang seperti itu diseluruh Tanah Melayu yang pada masa sekarang ini ada lebeh kurang 136 darjah. Murid² yang belajar di-dalam darjah ini ada-lah lebeh kurang saramai 5,000 orang. Jadi, murid² yang ada di-dalam darjah² Menengah Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sa-bagai bahasa penghantar akan mengambil peperiksaan Sijil Rendah dalam tahun 1960 ini dengan menggunakan bahasa Melayu sa-bagai bahasa peperiksaan. Murid² yang ada pada masa sekarang ini berada di-Sekolah² Menengah Melayu akan mengambil peperiksaan Certificate Pelajaran Persekutuan yang darjat-nya sama dengan School Certificate di-dalam tahun 1962.

Kerajaan mempunyai keyakinan dengan beransor², tetapi pesti kita akan sampai kepada tujuan yang kita maksudkan, tetapi Kerajaan tak mahu dan tak hendak membuat ranchangan yang bergopoh² semata² untuk mengabui mata ra'ayat. Mengenai soal chorak Kebangsaan yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi itu sudah pun di-jalankan oleh Kerajaan. Kerajaan telah mengadakan sukatan pelajaran baharu yang berchorak Kebangsaan yang sesuai dengan semangat kemerdekaan tanah ayer kita. Kita tidak pakai lagi sukatan pelajaran dahulu—sukatan pelajaran di-masa zaman Penjajahan dahulu, tetapi pada masa ini dan di-masa yang akan datang semua buku² pelajaran dalam semua sekolah, Sekolah Inggeris, China dan

Tamil semua-nya akan di-susun mengikut kehendak Pelajaran Kebangsaan seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Berkenaan dengan usaha² hendak mengembangkan atau hendak memasukkan bahasa Kebangsaan ka-dalam University seperti yang telah di-ucapkan tadi, saya suka-lah menarek perhatian Ahli Yang Berhormat itu kepada apa yang di-ucapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam Majlis University Malaya baharu² ini. Uchapan-nya itu ada di-siarkan oleh Pejabat Penerangan, tetapi biar-lah saya bachakan sedikit daripada uchapan-nya itu. Kata Timbalan Perdana Menteri: "Kami yakin bahawa satu daripada faktor² yang mustahak sakali dalam usaha membangunkan sa-suatu bangsa ia-lah suatu dasar pelajaran yang sa-benar²-nya berchorak Kebangsaan. Oleh yang demikian, kerana ini-lah, jika tidak pun kerana lain² sebab, maka sa-buah University hendak-lah bertujuan bagi kepentingan kebangsaan pada maksud dan chita²-nya—di-arahkan oleh satu tenaga bagi kepentingan perpaduan negara. Oleh kerana itu-lah maka kita mesti menjalankan segala usaha untuk menggunakan bahasa Melayu sa-bagai bahasa penghantar dalam University ini supaya dapat University ini pada masa yang akan datang mempunyai dua bahasa penghantar sa-bagaimana yang sedang di-jalankan di-Indonesia sekarang ini."

Barangkali Ahli Yang Berhormat itu ada membayangkan di-Indonesia memakai bahasa Indonesia sa-bagai bahasa penghantar-nya, tetapi sa-benar-nya tidak. Saya telah melawat di-sana dan saya tahu benar bahawa University di-Indonesia menggunakan bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris digunakan bersama. Jadi, apa yang di-suarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah perkara yang telah dan yang sedang akan di-laksanakan oleh Kerajaan ini. Sekian-lah (*Tepok*).

KELENGAHAN MENJALANKAN RANCHANGAN² KEMAJUAN

Enche' Lim Hee Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kebenaran menguchapkan perkara fasal ranchangan²

kerana kemajuan negeri kita ini, mithalnya, seperti bangunan baharu, jalan baharu, kolam ayer dan yang lain². Saya perchaya, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli² Yang Berhormat ada mendengar atau membaca, tahun yang lalu ada banyak ranchangan² yang mustahak kena di-lewat atau di-tanggohkan fasal P.W.D. atau Kerja Raya ta' ada engineer, ta' ada technician dan ta' ada clerk of works, saya fikir kita tidak boleh benarkan perkara in melewatkan pekerjaan kita. Sekarang saya hendak chadangkan suatu policy yang baharu, saya fikir yang akan datang ini jikalau P.W.D. kita ta' chukup orang² yang bekerja, kita boleh keluarkan tender jemput orang masok engineer, technician dan consultant semua sa-kali dia boleh borong dan saya fikir dalam tender itu kita mahu tetapkan, beri kerja itu orang yang ra'ayat negeri ini sahaja, tidak orang luar. Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kerja Raya boleh menimbangkan hal ini baik², jadi yang akan datang ada pekerjaan² atau ranchangan² yang chukup mustahak jangan-lah lewatkan lagi.

Akhir sa-kali saya hendak menambah sadikit, sung oh pun bahasa

Melayu saya tidak berapa elok, saya ta' segan-lah menggunakan kapada Ahli² Yang Berhormat yang chukup pandai di-sini. Tujuan saya hendak menggalakkan semua orang mesti menggunakan bahasa kebangsaan kita (*Tepok*) kita mula dan selalukan dari masa ini, saya perchaya, "Di-mana ada kemahuan di-situ ada kemajuan, kalau hati hendak mesti jadi," (*Tepok*) terima kaseh.

Dato' V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menguchapkan terima kaseh kapada Ahli Yang Berhormat Enche' Lim Hee Hong. Kerajaan ada juga mengikut perjalanan sa-rupa dengan apa yang di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Saya suka lagi memberi tahu kapada Senate ini, bila Kerajaan mahu membuat kerja lagi; Kerajaan boleh juga menchari orang², company² dan consultant² lain. Sekarang kita mengadakan jalan dan kita ada Telecoms Headquarters di-Kuala Lumpur dan di-Kinta ada Water Supply Scheme dan jalan (road) sampai ka-Micro Station di-Negeri Sembilan; terima kaseh (*Tepok*).

Adjourned at 10.37 a.m.

WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS

MINISTRY OF HEALTH AND SOCIAL WELFARE

HOSPITALS

Establishment of Surgeons

1. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang asks the Minister of Health and Social Welfare to state the number of surgeons in each State in the Federation of Malaya and how many are in Trengganu.

The Minister of Health and Social Welfare (Dato' Ong Yoke Lin): I give below a list of Specialist Surgeons in the Federation. Needless to say all Medical Officers are qualified in surgery and many are doing surgery in many hospitals throughout the country.

State	Number
Johore	2
Kedah/Perlis	1
Kelantan	Nil
Malacca	1
N. Sembilan	1
Pahang	Nil
Penang	2
Perak	3
Selangor	2
Trengganu	Nil
Total	12

In addition there are the following specialist officers who practise major surgery as part of their speciality:

KUALA LUMPUR—

- 1 Ophthalmologist
- 1 Orthopaedic Surgeon
- 1 Obstetrician and Gynaecologist
- 1 E.N.T. Surgeon

JOHORE—

- 1 Ophthalmologist
- 1 Obstetrician and Gynaecologist

KEDAH/PERLIS—

- 1 Obstetrician and Gynaecologist
- 1 Ophthalmologist

KELANTAN—

- 1 Ophthalmologist

MALACCA—

- 1 Obstetrician and Gynaecologist

NEGRI SEMBILAN—

- 1 Ophthalmologist

PENANG—

- 1 Obstetrician and Gynaecologist
- 1 Ophthalmologist

PERAK—

- 1 Obstetrician and Gynaecologist
- 1 Ophthalmologist

2. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang asks the Minister of Health and Social Welfare to state the number of Dental Surgeons in each State in the Federation of Malaya and how many are in Trengganu.

Dato' Ong Yoke Lin: I give below a list of Dental Surgeons in the Federation:

State	Number
Perak	12
Penang	6
Kelantan	5
Perlis	1
Trengganu	2
Kedah	7
Selangor	10
N. Sembilan	7
Malacca	5
Pahang	6
Johore	10
Dental School	2
Total	73

3. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji

Awang asks the Minister of Health and Social Welfare to state why Trengganu does not receive the consideration that it deserves in the allocation of these surgeons.

Dato' Ong Yoke Lin: There is a shortage of Specialist Surgeons and those we have must be used to the best advantage and in the best interest of the country as a whole. Action has already been taken to post a surgical medical officer to Trengganu.

Two vacancies for Dental Officers in Trengganu will be filled in March.

4. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang asks the Minister of Health and Social Welfare to state whether Health Centres, Sub-Health Centres and Mobile Dispensaries are to be formed in Trengganu in 1960. If the answer is in the affirmative, state the number of each and if the answer is in the negative state the reasons.

Dato' Ong Yoke Lin: No. Only a midwife's quarters with clinic will be set up at Kijal during 1960.

In 1958 and 1959 there were improvements made to the hospitals in Kuala Trengganu, Besut, Dungun and Kemaman. There were also improvements to health clinics in Trengganu. The amount spent on these improvements total not less than \$470,000.

MINISTRY OF JUSTICE

JUDICIAL

Presidents, Sessions Courts

5. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang asks the Minister of Justice to state the number of Presidents of Sessions Courts and circuit magistrates in each state in the Federation of Malaya.

The Minister of Justice (Tun Leong Yew Koh): The number of Presidents of Sessions Courts and Circuit Magistrates in each State in the Federation of Malaya.

	President of Sessions Court	Circuit Magistrate
Perlis ...	—	1
Kedah ...	1	3
Penang ...	1	3
Perak ...	2	8
Selangor ...	2	5
Negri Sembilan	1	2
Malacca ...	1	1
Johore ...	2	4
Pahang ...	2	—
Kelantan ...	1	1
Trengganu ...	1	—

6. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang asks the Minister of Justice to state why both these important posts are being held by one officer in Trengganu.

Tun Leong Yew Koh: Both these posts are held by one officer in Trengganu because the volume of work in both the Sessions and Magistrates' Courts is such that it is possible for one officer to cover up the work with the assistance of the Assistant Registrar, Supreme Court, Kuala Trengganu who is a First Class Magistrate ex-Officio. The Assistant Registrar is not fully occupied in his duties as such and therefore can spare the time to hear cases in the Magistrates' Court. It might be added that at one time one officer acted in the three posts of President of Sessions Court, Magistrate and Assistant Registrar and was able to carry on.

7. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang asks the Minister of Justice to state the number of cases, civil and criminal, which have become outstanding in each district in Trengganu in the past six months as a result of these two posts being held by one officer.

Tun Leong Yew Koh: The number of cases which have become outstanding are as follows:

Sessions Court	Criminal	Civil
Kuala Trengganu	1 ...	3
Ulu Trengganu	— ...	—
Dungun	... —	—
Besut ...	2 ...	—
Kemaman	... —	—
Kuala Trengganu	20 ...	18
Ulu Trengganu ...	— ...	—
Dungun ...	1 ...	—
Besut ...	3 ...	2
Kemaman	... —	1

MINISTRY OF WORKS, POSTS AND TELECOMMUNICATIONS

PUBLIC WORKS

Replacement of Ferries by Permanent Bridges

8. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang asks the Minister of Works, Posts and Telecommunications to state whether the ferries in Marang, Dungun and Kerteh are to be replaced by permanent bridges by 1960 as planned. If the answer is in the negative, state the reasons.

The Minister of Works, Posts and Telecoms. (Dato' V. T. Sambanthan): Work will commence on the construction of the bridge at Kerteh this year, but owing to the magnitude of the project it will probably take two years to complete it. The other two projects are being considered together with other proposals for inclusion in the Government's Development Plan.

9. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang asks the Minister of Works, Posts and Telecommunications to state

why charges are levied for the ferry services in Trengganu after the hours of 10.00 at night whereas in other States ferry services are free.

Dato' V. T. Sambanthan: Charges are levied for the ferry services in Trengganu after the hours of 10.00 at night to cover part of the costs of the overtime which is paid to the operators who are on call throughout the night.

The question of operating a free night service is, however, being considered.